

CNS5221 -- --
U GB 10-10 00196 BA077
aab

KEISTIMEWAAN SABAH-SARAWAK PATUT DIKAJI SEMULA, XATA MAHATHIR
Mahathir, - Sabah

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama)-- Keistimewaan yang diberikan kepada Sabah dan Sarawak patut dikaji semula bagi mengintegrasikan seluruh rakyat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, perancangan 20 perkara mengenai pembentukan persekutuan Malaysia yang memberikan kuasa-kuasa tertentu kepada kedua-dua negeri itu sepatutnya dibuat ka jian selepas 10 tahun.

+Oleh kerana mereka agak tidak begitu berminat maka kita tidak membuat apa-apa tetapi sepatutnya setelah lebih 25 tahun pembentukan Malaysia, eloklah kalau kita cari jalan untuk mengintegrasikan semua rakyat Malaysia, katanya kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan Bukit Kiara Equestrian and Country Resort di Bukit Kiaradi sini hari ini.

Ketua Pemuda Umno Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak dan bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh baru-baru ini menyarankan supaya kerajaan persekutuan mengkaji semula kuasa yang diberikan kepada Sabah dan Sarawak, termasuk autonomi terhadap soal imigresen. Keistimewaan itu diberikan kepada kedua-dua negeri itu semasa menyertai Malaya untuk membentuk Malaysia pada tahun 1963.

Dr Mahathir berkata Sarawak telah meminta kerajaan pusat membuat kajian itu setelah ia tidak dibuat sekian lama. -- Lagi

▼10/10/16-09MST

CNS5246
U GB 10-10 00152 BA082
aab

Mahathir - Sabah 2 Kuala Lumpur

Ketika ditanya perkara-perkara yang beliau fikir perlu dikaji, Dr Mahathir berkata ada yang menimbulkan soal seperti 'kuasa kerajaan pusat, kuasa kerajaan negeri'.

+... tetapi kita tidak harus memikirkan kuasa kerajaan pusat, kerajaan negeri kerana kita adalah sebuah negara. Kuasa kerajaan negeri sudahpun ditetapkan dan kita tidak akan rampas, katanya.

+Bagi Sabah dan Sarawak ada keistimewaan yang diberi buat sementara, jadi ini patut kita kaji semula, katanya.

Ketika ditanya sama ada kajian itu akan membabitkan peraturan menggunakan pasport kepada setiap rakyat Malaysia dan rakyat asing yang memasuki Sabah melalui Wilayah Persekutuan Labuan, Dr Mahathir berkata perkara itu terserahlah kepada kerajaan negeri Sabah.

+Kita harap pihak mereka yang mencari jalan supaya tsuk adasekatan, katanya mengenai peraturan baru itu yang telah diwartakan oleh kerajaan negeri itu kononnya atas alasan keselamatan untuk rnenyekat kemasukan penjenayah. -- Lagi

▼10/10/16-41MST

CNS5247

R GB 10-10 00153 BA083

aab

Mahathir - Sabah 3 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata tidak ada sekatan bagi orang Sabah dan Sarawak untuk bergiat di Semenanjung, bahkan, menurutnya, ada antara mereka kini memiliki syarikat-syarikat besar termasuk syarikat akhbar.

+Jadi mereka tak harus berasa curiga terhadap integrasi,+ katanya.

Dr Mahathir menolak saranan naib presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), Datuk Zaki Haji Ghusmiah supaya pilihan raya negeri akan datang dianggap sebagai +pungutan suara+ terhadap kehendak rakyat mengenai perlunya kajian dilakukan terhadap perjanjian Persekutuan Malaysia' itu.

Perdana Menteri berkata +pungutan suara+ sudahpun dibuat dulu oleh Suruhanjaya Cobbold semasa cadangan pembentukan Malaysia dan +itu sudah cukup+.

+Kalau hendak ada punyutan suara tiap-tiap hari, susahlah,+ katanya. Lord Cobbold, bekas Gabenor Bank England, mengetuai satu suruhanjaya bersama British-Malaya yang telah melawat wilayah-wilayah Borneo selama dua bulan dan menyemukakan laporan pada Jun 1962 bahawa majoriti rakyat menyokong sepenuhnya pembentukan Malaysia. --Lagi . .

10/10/16-44MST

CNS5277

R GB 10-10 00130 BA093

aab

Mahathir - Sabah 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Laporan Bernama dari Kota Kinabalu, yang disiarkan akhbar hari ini, memetik Zaki sebagai 'berkata kajian terhadap perjanjian persekutuan itu tidak perlu dilakukan jika PBS memenangi pilihan raya negeri akan datang.

Dr Mahathir menyoal apa hasilnya dari kempen seumpama itu melainkan daripada boleh menimbulkan pertelingkahan antara kaum di Sabah.

+Kalau dia hendak main dengan pandangan perkauman, hendak bangkit Sabah untuk penduduk Sabah, dia hendak bakar hati orang, memanglah kalau ada referendum dalam keadaan itu, dia berharap dia boleh menang,+ katanya.

Perjanjian 20 perkara pembentukan Malaysia itu merupakan antara isu utama pada pilihan raya negeri Sabah yang lepas pada Julai 1990 di mana PBS mendapat mandat baru untuk memerintah bagi tempoh lima tahun. -- Bernama

10/10/16-44MST